

# KULIAH ZOHOR

**“Jangan Kesal Berpanjangan, Majulah Terus Ke  
Hadapan”**

**Masjid Maarof | 19 September 2018**

Muhammad Haniff Hassan

[ismhaniff@ntu.edu.sg](mailto:ismhaniff@ntu.edu.sg) / [www.haniff.sg](http://www.haniff.sg)

# Matn (Teks) Hadis

وَإِنْ أَصَابَكَ شَيْءٌ فَلَا تَقُلْ: لَوْ أَنِّي فَعَلْتُ كَانَ كَذَا وَكَذَا, وَلَكِنْ قُلْ:  
قَدَّرَ اللَّهُ وَمَا شَاءَ فَعَلَ; فَإِنَّ لَوْ تَفْتَحُ عَمَلَ الشَّيْطَانِ

# Terjemahan Hadis

- Rasulullah s.a.w bersabda,

“....dan jika sesuatu menimpa kamu, janganlah kamu berkata: Seandainya aku melakukan sedemikian, tentu hasilnya demikian. Tapi katakanlah: Allah telah menakdirkannya dan apa pun yang Dia inginkan akan dilakukan. Kerana [ucapan] ‘Seandainya’ adalah pembuka amalan syaitan.” (Riwayat Muslim)

# Pengajaran Hadis

1. Sentiasa melihat ke hadapan (forward looking) dalam menghadapi situasi dalam kehidupan.
2. Utamakan sikap untuk meneruskan langkah maju ke hadapan (moving forward) dalam menghadapi kesulitan.
3. Tidak semua perancangan akan berjaya
  - wajar membuat penilaian, hendaklah dilakukan atas tujuan untuk mengambil pelajaran bagi masa depan yang lebih baik
  - elakkan sikap sesal yang berterusan atau sikap terus-terus menyalahkan langkah dan perancangan dahulu kerana tidak akan merubah apa yang telah berlaku.

4. Kesal berpanjangan mungkin akan mencetus konflik sesama rakan kerana mencetuskan sikap salah menyalahkan antara satu sama lain
  - membuka ruang bagi syaitan untuk masuk di celah-celah perbalahan dan kekesalan bagi menanam bisikan-bisikannya
  
5. Apabila maju ke hadapan, akan kurang terperosok ke dalam sesalan yang tidak berkesudahan
  - juga lebih bersifat progresif dan konstruktif
  - kesejahteraan kumpulan dan organisasi juga lebih terjaga
  - meringankan beban psikologi dalam menghadapi kegagalan dan hambatan.

6. Dalam menghadapi kegagalan dan hambatan, hendaklah cenderung untuk menumpu pada huraian bagi masalah dan pelajaran yang boleh diambil dari menumpu pada kesilapan yang telah berlaku dan siapa punca kesilapan itu.

# KULIAH ZOHOR

**“Berdakwah, Bukan Berdebat”**

**Masjid Maarof | 19 September 2018**

Muhammad Haniff Hassan

[ismhaniff@ntu.edu.sg](mailto:ismhaniff@ntu.edu.sg) / [www.haniff.sg](http://www.haniff.sg)

# Matn (Teks) Hadis

أَنَا زَعِيمٌ بَيْتٍ فِي رِبْضِ الْجَنَّةِ لِمَنْ تَرَكَ الْمِرَاءَ وَإِنْ كَانَ مُحِقًّا،  
وَبَيْتٍ فِي وَسْطِ الْجَنَّةِ لِمَنْ تَرَكَ الْكُذِبَ وَإِنْ كَانَ مَازِحًا وَبَيْتٍ  
فِي أَعْلَى الْجَنَّةِ لِمَنْ حَسَّنَ خُلُقَهُ



# Terjemahan Hadis

- Rasulullah s.a.w bersabda,

“Saya adalah seorang pemimpin rumahtangga di syurga. Anggotanya adalah orang-orang yang meninggalkan perdebatan walaupun sedang dalam keadaan benar.” (Riwayat Abu Daud)

# Pengajaran Hadis

1. Islam tidak suka kepada perdebatan
  - hendaklah menjauhi dan mengelakkan perdebatan, walaupun atas niat untuk berdakwah dan yakin akan kebenaran pendiriannya.
2. Penting untuk diperhatikan dalam berdakwah
  - dalam proses untuk menyampaikan kebaikan dan mencegah kejahatan, akan berhadapan dengan kritikan, bantahan atau sanggahan
  - terdorong untuk mempertahankan kebenaran yang ingin dibawanya sehingga mudah pula untuk berlanjutan hingga ke peringkat perdebatan.

3. Jika diteliti, perdebatan tidak berlaku secara mendadak
  - melalui proses “escalation” (peningkatan secara bertahap-tahap)
  - “escalation” pula adalah petanda bagi;
    - a) hujah yang dikemukakan tidak meyakinkan pihak berkenaan = nilai semula hujah yang ada
    - b) berada dalam situasi yang tidak bersedia untuk menerima apa yang disampaikan = atasi masalah situasi yang menghalang
    - c) pendekatan yang digunakan tidak memenangi hatinya = cari cara lain.

4. Oleh itu, meneruskan perdebatan tidak akan membawa kepada natijah yang positif
  - sebab itu perlu tinggalkan perdebatan walau pun benar
  - membolehkan menilai kembali hujah, situasi pihak berkenaan dan pendekatannya
  
5. Tinggalkan debat dapat pelihara hubungan baik
  - meneruskan perdebatan berpotensi akan merosakkan hubungan antara manusia
  - memelihara hubungan baik ini adalah penting
  - membolehkan dakwah disampaikan lagi di masa akan datang.

6. Ingat! Di celah-celah perdebatan kadangkala terdapat unsur-unsur negatif dalam diri seperti sifat degil, akur kepada ego, sombong, rasa diri sendiri benar, sempit dada dan lain-lain
  - ini adalah sifat-sifat keji yang seharusnya dibersihkan dari diri
  - dakwah dilandaskan atas sifat-sifat yang mulia dan yang paling utama ialah ikhlas
  - tiada kebaikan pada dakwah, jika ia bercampur aduk dengan nilai-nilai yang tidak baik itu.
  
7. Debat berpotensi pupuk nilai-nilai negatif secara tidak sedar
  - selalu berdebat mungkin memupuk sifat-sifat berkenaan.

8. Debat tidak dapat lari dari suasana yang beremosi
  - emosi pula bukan tempat yang baik untuk menanam bibit-bibit kebaikan
  - kebenaran itu mesti ditegakkan melalui minda yang benar yang menghasilkan pula keyakinan dan iman
  - suasana emosi menyebabkan pihak lain membuat pernyataan-pernyataan yang jelek terhadap Islam dan ajarannya.
  
9. Ingat! Dakwah ialah untuk menyampaikan kebenaran, bukan untuk membuktikan sesuatu tentang diri.